

KOLEKSI INFO PUU & GALERI AKTIVITI 2025



© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

CETAKAN PERTAMA 2026

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit UTeM Press, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
Ahli Clarivate Analytics

Diterbitkan dan Dicetak di Malaysia oleh
Penerbit UTeM Press
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.
Tel: +606 229 2133 Faks: +606 229 2433



SEKAPUR SIREH

Assalamualaikum Wrt. Wbt. & Salam Sejahtera,

Dipanjatkan segala puji ke hadrat Allah SWT dengan izinNya Pejabat Penasihat Undang-Undang ("PUU"), Universiti Teknikal Malaysia Melaka ("UTeM") buat kali ketiga dapat menyediakan buku "Koleksi Info PUU & Galeri Aktiviti 2025" sepanjang tahun 2025.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, warga PUU menggunakan peluang dengan sebaik mungkin untuk berkongsi pelbagai cabang ilmu undang-undang bersama warga UTeM. Perkongsian ilmu ini disediakan dalam pelbagai bentuk poster/infografik bagi menarik minat membaca dalam kalangan warga UTeM.

Besar harapan kami agar buku "Koleksi Info PUU & Galeri Aktiviti 2025" ini dapat memberi manfaat kepada warga UTeM dalam menjalani kehidupan dan tugas harian. InsyaAllah pihak PUU akan terus komited untuk berkongsi ilmu undang-undang untuk tahun-tahun yang mendatang.

Terima kasih.

Encik Mohd Nizam bin Pavel
Penasihat Undang-Undang



KANDUNGAN


NO. INFO	TAJUK	MUKA SURAT
	Sekapur Sireh	
	BAB A : KOLEKSI INFO PUU	
1/2025	Suratcara/Dokumen	7
2/2025	Proses Penyediaan Dokumen Perundangan – Dasar, Peraturan, dsb (Siri 1)	7
3/2025	Proses Penyediaan Dokumen Perundangan – Dasar, Peraturan, dsb (Siri 2)	8
4/2025	Kesalahan Di Kolej Kediaman	8
5/2025	Apa Itu Rahsia Rasmi?	9
6/2025	Plagiat	9
7/2025	Apa Itu Tuntutan Kecil	10
8/2025	Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia	11
9/2025	Harta Pusaka Kecil	12
10/2025	Elemen-Elemen Penting Perwakilan Kuasa	13
11/2025	Apa Itu “Award”?	14
12/2025	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah	15
13/2025	Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993	16
14/2025	Saman, Kompaun & Denda	17
15/2025	Tahukah Anda?	18
16/2025	Tahukah Anda?	19
17/2025	Tahukah Anda?	20
18/2025	Kenali Jenis-Jenis Suapan (Rasuah)	21
19/2025	Kenali Tabiat & Kelakuan Penagih Dadah	22
20/2025	Akta Orang Kurang Upaya 2008 (“AOKU”)	23
21/2025	Larangan Merokok Di Tempat Awam (Siri 1)	24
22/2025	Larangan Merokok Di Tempat Awam (Siri 2)	25
23/2025	Larangan Merokok Di Tempat Awam (Siri 3)	26
24/2025	Harta Intelek	27
25/2025	MyKad Saya	28
26/2025	Pemeriksaan MyKad	29
27/2025	Pengawal Keselamatan & Mykad	30

28/2025	Apa Itu Kuorum?	31
29/2025	Wang Tidak Dituntut	32
30/2025	Adakah Anda Pengendali Makanan?	33
31/2025	Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Perlesenan 1959 – Siri 1 Motosikal	34
32/2025	Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Perlesenan 1959 – Siri 2 Motokar	35
33/2025	Rumah Strata (Siri 1)	36
34/2025	Rumah Strata (Siri 2)	37
35/2025	Jenis Terma Di Dalam Kontrak	38
36/2025	Penalti Lewat Penyeteman	39
37/2025	Perkara Yang Harus Dilakukan Setelah Membuat Pembayaran Notis Taksiran	39
38/2025	Jenis Duti Setem	40
39/2025	Bayaran Secara Atas Talian Untuk Stamps Menggunakan FPX	40
40/2025	Perhatian	41
41/2025	Dokumen Yang Diperlukan Semasa Permohonan Mati Setem	42
42/2025	Jenis Rayuan Taksiran	43
43/2025	Perhatian!	43
44/2025	Entiti Perundangan	44
45/2025	Kenali UTeM	45
46/2025	Panduan “Stamps”	46
47/2025	Kehadiran Ke Kuliah, Tutorial, Kelas atau Pengajaran	47
48/2025	Kelakuan Berhubungan Peperiksaan	48
49/2025	Proses Kerja Memasuki Memorandum of Understanding (MoU)	49
50/2025	Q&A Proses Kerja MoU	49
51/2025	Rang Undang-Undang	50
52/2025	Proses Kerja Memasuki Lol	50
53/2025	Proses Kerja Memasuki Memorandum of Agreement (MoA) Bukan Akademik	51
54/5055	Proses Kerja Memasuki MoA Akademik	52
55/2025	Proses Kerja Memasuki Perjanjian Kerahsiaan, Surat Akujanji, Surat Penganugerahan dan Surat Tanggungrugi	53
56/2025	Pemakluman Penamatan Akses Stamps & Peralihan Ke Portal MYTAX	54

BAB B : Galeri Aktiviti 2025

BAB A
KOLEKSI
INFO PUU





APA ITU RAHSIA RASMI?

Suratcara, dokumen atau bahan yang dikelaskan kepada mana-mana satu dari 4 kategori berikut.

(Akta Rahsia Rasmi 1972)



- 1 — Terhadap
- 2 — SULIT
- 3 — RAHSIA
- 4 — RAHSIA BESAR



Info Pejabat PUU
Bil. 5/2025

PLAGIAT

- Perbuatan meniru, mencedok atau mengutip hasil kerja orang lain tanpa izin penulis asal dan menyiarkannya sebagai ciptaan sendiri.
- Staf/pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib:-
 - (a) staf - Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.
 - (b) pelajar - Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Teknikal Malaysia Melaka) (Tatatertib Pelajar) 2024.



INFO PEJABAT PUU
BIL. 6/2025 (BP)



APA ITU TUNTUTAN KECIL?

1

Nilai tuntutan
tidak melebihi
RM5,000.00.

2

Failkan
tuntutan di
Mahkamah
Kecil Tuntutan.

3

Sertakan
dokumen-
dokumen
sokongan bagi
tujuan
tuntutan.

4

Tiada representasi
undang-undang
untuk kedua-dua
pihak (kecuali
Defendan jika
dikehendaki oleh
undang-undang
untuk kemukakan
orang yang diberi
kuasa).



Info Pejabat PUU
BIL 7/2025 (BP)

TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA



Info Pejabat PUU
BIL 8/2025 (BP)

HARTA PUSAKA KECIL



HARTA PUSAKA 01

Harta peninggalan si mati seperti tanah, rumah, wang simpanan, dsb.nya.

HARTA PUSAKA KECIL 02

Nilai harta peninggalan si mati tanpa wasiat tidak lebih RM2,000,000.00.

HARTA PUSAKA BERWASIAS 03

Harta peninggalan si mati dengan wasiat terakhir yang sah yang mengandungi cara harta pusakanya diagihkan kepada waris.

PENTADBIR HARTA PUSAKA KECIL 04

Permohonan untuk mentadbir harta pusaka kecil boleh dibuat di mana-mana Pejabat Tanah (pastikan nilai semua harta tidak lebih RM2,000,000.00).

DOKUMEN SOKONGAN 05

Sijil mati, permit pengebumian, dsb.nya.

Info Pejabat PUU
BIL 9/2025 (BP)





ELEMEN-ELEMEN PENTING PERWAKILAN KUASA



1

Punca kuasa untuk
mewakikan kuasa.

2

Pihak yang
mewakikan
kuasa.

3

Pihak yang
mewakikan kuasa,
mempunyai
kuasa/kewajipan
untuk mewakikan.

4

Kaedah perwakilan
kuasa melalui surat
cara bertulis.

5

Pihak yang
diwakikan
kuasa.

6

Kuasa atau kewajipan yang
diberikan kepada pihak yang
diwakikan kuasa tertakluk
kepada sekatan dalam surat
cara perwakilan kuasa
tersebut.

Info Pejabat PUU
BIL 10/2025 (BP)

APA ITU "AWARD"?

- Dewan Bahasa dan Pustaka : Keputusan yang dibuat oleh hakim atau penimbang tara.
- Lazimnya digunakan dalam kes-kes:-
 - (a) Mahkamah Perusahaan.
 - (b) Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.
 - (c) Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah.

INFO PEJABAT PUU
BIL 11/2025 (BP)



TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

PENUBUHAN

1

Ditubuhkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966.

BIDANG KUASA

2

Tuntutan yang berbangkit dari perjanjian jual beli di antara pembeli rumah dan pemaju perumahan.

BIDANG KUASA

3

Mendengar kes-kes di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.

JENIS KEDIAMAN

4

- Teres.
- Banglo.
- *Semi-Detached*, dsb.nya.
- Tidak termasuk bangunan perniagaan.



PERINTAH KAWALAN HARGA (PENANDAAN HARGA OLEH PENJUAL RUNCIT) 1993

- Peniaga runcit hendaklah menandakan harga pada setiap barang atau contoh barang yang dipamerkan.
- Jika sabit kesalahan:-
 - (1) Bagi Bukan Pertubuhan Perbadanan (Individu)
 - Denda Maksimum – RM50,000, penjara 2 tahun atau kedua-duanya sekali.
 - Kompaun Maksimum – RM25,000.
 - (2) Bagi Pertubuhan Perbadanan (Syarikat)
 - Denda Maksimum – RM100,000.
 - Kompaun Maksimum – RM50,000.

INFO PEJABAT PUU
BIL 13/2025 (BP)





SAMAN, KOMPAUN & DENDA

(1) DEFINISI

Saman : Perintah rasmi yang menuntut seseorang hadir ke mahkamah untuk didakwa [Dewan Bahasa dan Pustaka].

Kompaun : Bayaran yang dibuat tanpa perlu melalui pendakwaan di mahkamah.

Denda : Hukuman berupa wang kerana telah melakukan sesuatu kesalahan [Dewan Bahasa dan Pustaka].

(2) ILUSTRASI

Encik Ali telah diberikan **saman** yang boleh **dikompaun** atas kesalahan gagal mematuhi isyarat lalu lintas had laju yang ditetapkan di bawah seksyen 79(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Beliau perlu membayar:-


- (a) RM150.00 dalam masa 1 hari - 15.
- (b) RM150.00 dalam masa 16 hari - 30.
- (c) RM150.00 dalam masa 31 hari - 60.

Jika gagal membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, Encik Ali perlu hadir ke mahkamah. Jika sabit kesalahan, Encik Ali perlu membayar **denda** yang ditetapkan oleh mahkamah.

Info Pejabat PUU
BIL 14/2025 (BP)



TAHUKAH ANDA?



- Anda boleh didakwa atas kesalahan membuat sambungan elektrik secara haram di bawah Kanun Keseksaan dan/atau Akta Bekalan Elektrik 1990.
- Jika sabit kesalahan:-
 - (1) Seksyen 427 Kanun Keseksaan
 - Penjara sehingga 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.
 - (2) Seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik 1990
 - Denda tidak lebih RM1,000,000.00, penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

INFO PEJABAT PUU
BIL 15/2025 (BP)





TAHUKAH ANDA?



- Anda boleh didakwa atas kesalahan meletak kenderaan yang menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan kepada pengguna jalan yang lain di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 ("APJ").
- Jika sabit kesalahan di bawah seksyen 48(2) APJ, pihak berkuasa yang berkenaan boleh:-
 - (1) mengapit roda kenderaan motor tersebut; atau
 - (2) mengalihkan atau menyebabkan supaya dialih kenderaan motor itu ke mana-mana lokasi atau tempat lain di dalam notis yang ditinggalkan di lokasi asal.



16 PEACE, JUSTICE
AND STRONG
INSTITUTIONS
INFO PEJABAT PUU
BIL 16/2025 (BP)

TAHUKAH ANDA?



- **Ikat Jamin Mahkamah**

- Pelepasan sementara orang yang dituduh dengan mengemukakan cagaran dan aku janji penjamin (bon jaminan) untuk memastikan kehadiran orang yang dituduh pada setiap hari perbicaraan.

- **Sistem Parol**

- Pelepasan secara perintah parol yang melayakkan banduan menjalani baki hukuman di luar penjara tertakluk kepada Akta Penjara 1995.

INFO PEJABAT PUU
BIL 17/2025 (BP)



***KENALI JENIS-
JENIS SUAPAN
(RASUAH)**

01

**MEMINTA/MENERIMA
RASUAH**

02

**MENAWAR/MEMBERI
RASUAH**

03

**MENGGUNAKAN
KEDUDUKAN/JAWATAN
UNTUK SUAPAN**

04

MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

***BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN DI
BAWAH AKTA BADAN-BADAN
BERKANUN (TATATERTIB & SURCAJ)
2000.**

**INFO PEJABAT PUU
BIL 18/2025 (BP)**



KENALI TABIAT & KELAKUAN PENAGIH DADAH

1 Mencuri untuk mendapatkan wang membeli dadah.

2 Mengasingkan diri dari masyarakat.

3 Hanya bergaul dengan kumpulan penagih dadah.

4 Mempengaruhi sahabat/orang terdekat menjadi penagih dadah.

5 Pandai menipu.

INFO PEJABAT PUU
BIL 19/2025 (BP)



AKTA ORANG KURANG UPAYA 2008 ("AOKU")

MENGIKTIRAF HAK ORANG KURANG UPAYA ("OKU")
SEPERTIMANA YANG DIPERUNTUKKAN DI DALAM
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.

"OKU" - KEKURANGAN JANGKA PANJANG FIZIKAL,
MENTAL, INTELEKTUAL DAN DERIA YANG MENYEKAT
PENYERTAAN PENUH DALAM MASYARAKAT.

PERLU MEMBUAT PENDAFTARAN KAD OKU
DI BAWAH SEKSYEN 25 AOKU.

KAD OKU HENDAKLAH
DISERAHKAN SEMULA KEPADA
PENDAFTAR (DILANTIK DI BAWAH
AOKU) APABILA TERHENTI
MENJADI OKU.

INFO PEJABAT PUU
BIL 20/2025 (BP)



(Peraturan 11(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 - Akta Makanan 1983

LARANGAN MEROKOK DI TEMPAT AWAM (Siri 1)

- 1 Hospital atau klinik.
- 2 Lif atau tandas awam.
- 3 Kenderaan awam.
- 4 Hentian pengangkutan awam.
- 5 Lapangan terbang.
- 6 Mana-mana premis kerajaan.
- 7 Stesen minyak.

INFO PEJABAT PUU
BIL 21/2025 (BP)



LARANGAN MEROKOK DI TEMPAT AWAM

(Siri 2)

Jika sabit kesalahan di bawah
Peraturan 11(1), Peraturan-Peraturan
Kawalan Hasil Tembakau 2004, boleh
dikenakan:-

- (a) denda tidak lebih RM10,000.00;
atau
- (b) penjara tidak melebihi 2 tahun.

INFO PEJABAT PUU
BIL 22/2025 (BP)





LARANGAN MEROKOK DI TEMPAT AWAM

(Siri 3)

Peraturan 12(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 ("PKHT"):-

- Pemilik premis, penghuni premis atau pemilik kenderaan yang disebut di dalam seksyen 11(1) PKHT hendaklah mempamerkan tanda larangan merokok dan memastikan tiada seorang pun merokok di dalam premis atau kenderaan itu.

INFO PEJABAT PUU
BIL 23/2025 (BP)



HARTA INTELEK

“**BEBERAPA JENIS CIPTAAN FIKIRAN BERLAINAN DI MANA HAK EKSKLUSIFNYA DIAKUI DI BAWAH BIDANG UNDANG-UNDANG BERKAIT**” [SUMBER : WIKIPEDIA].

1 HAK CIPTA

Memberi perlindungan komprehensif untuk kerja-kerja yang boleh dihakciptaikan di bawah Akta Hak Cipta 1987 termasuk perisian komputer.



4 REKABENTUK INDUSTRI

Akta Rekabentuk Perindustrian 1996 memberikan hak-hak rekabentuk perindustrian berdaftar sebagai harta persendirian



2 CAP DAGANG

Memberi perlindungan cap-cap dagang dan cap-cap perkhidmatan berdaftar di Malaysia di bawah Akta Cap Dagang 1976.

5 REKABENTUK SUSUNATUR LITAR BERSEPADU

Akta Rekabentuk Susunatur Litar Bersepadu 2000 memberikan perlindungan bagi rekabentuk-rekabentuk susunatur litar bersepadu berdasarkan keaslian, ciptaan perekanya sendiri dan hakikat bahawa ciptaan dibuat secara bebas.

3 PATEN

Akta Paten 1983 memberi perlindungan paten di Malaysia sekiranya ia baru, melibatkan satu langkah penciptaan dan mempunyai aplikasi perindustrian.



6 INDIKASI GEOGRAFIK

Akta Indikasi Geografik 2000 memberikan perlindungan setelah barang-barang didaftarkan mengikut nama tempat di mana barang-barang itu dikeluarkan.

Sumber : Laman Sesawang Rasmi Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia.

Info Pejabat PUU
BIL 24/2025 (BP)



MYKAD SAYA

- MyKad hendaklah dibawa setiap kali keluar rumah bagi memudahkan urusan kecemasan seperti kemalangan, kematian dan sebagainya.
- Anda boleh didakwa di bawah Peraturan 25(1)(n) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 jika gagal mengemukakan MyKad semasa diperiksa dan jika sabit kesalahan:-
 - (a) penjara tidak lebih 3 tahun;
 - (b) denda tidak lebih RM20,000.00; atau
 - (c) kedua-duanya sekali.





Pemeriksaan

MYKAD



HANYA 5 PEGAWAI SAHAJA YANG DIBENARKAN MEMINTA DAN MEMERIKSA MYKAD

- (1) Pegawai pendaftaran.
- (2) Pegawai polis.
- (3) Anggota tentera yang bertugas.
- (4) Pegawai kastam.
- (5) Pegawai lain yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Pendaftaran.

Info Pejabat PUU
BIL 26/2025 (BP)

(Peraturan 7, Peraturan-Peraturan
Pendaftaran Negara 1990).

PENGAWAL KESELAMATAN & MYKAD

- Pengawal keselamatan yang meminta dan menyimpan mykad individu adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan 8A Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.
- Lazimnya terjadi di kawasan perumahan yang mempunyai pengawal keselamatan.
- Bagi tujuan keselamatan, pengawal keselamatan hanya boleh meminta mykad bagi tujuan **semakan dan rekod sahaja**. Setelah itu mykad perlu dikembalikan kepada pemilik.

(Sumber : Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil 2 Tahun 2007, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri).



INFO PEJABAT PUU
BIL 27/2025 (BP)

APA ITU KUORUM?

- Kuorum adalah bilangan paling kecil (sama ada anggota atau ahli) yang mesti hadir bagi membolehkan sesuatu mesyuarat diadakan secara rasmi dan sah.
- Lazimnya kuorum disebutkan di dalam terma rujukan sesuatu jawatankuasa, panel atau apa-apa jua nama ia disebut.
- Urus setia hendaklah memastikan kuorum mencukupi sebelum sesuatu mesyuarat dijalankan.



**INFO PEJABAT PUU
BIL 28/2025 (BP)**



WANG TIDAK DITUNTUT

- Seksyen 8 Akta Wang Tidak Dituntut 1965:-
“Wang yang perlu dibayar kepada empunya tetapi tidak dibayar dalam tempoh masa tidak kurang satu tahun.”
- Contoh wang tidak dituntut (“WTD”):-
 - akaun simpanan, akaun semasa, simpanan tetap.
 - gaji, upah, bonus, komisen dan sebagainya.
- Boleh membuat semakan WTD:-
egumis.anm.gov.my .

INFO PEJABAT PUU
BIL 29/2025 (BP)



ADAKAH ANDA PENGENDALI MAKANAN?

- Peraturan 31(1), Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (“Peraturan”):-

“Semua pengendali makanan hendaklah diperiksa dari segi kesihatan dan diberi vaksin oleh pengamal perubatan berdaftar.”

- Peraturan 2, Peraturan maksud “pengendali makanan” adalah:-
 - (a) terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan;
 - (b) menyentuh makanan atau permukaan yang menyentuh makanan; dan
 - (c) mengendalikan makanan yang dibungkus atau tidak dibungkus atau perkakas.
- Suntikan typhoid adalah dimestikan kepada pengendali makanan (peniaga) sebelum mengendalikan makanan.

INFO PEJABAT PUU
BIL 30/2025 (BP)



KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (PENDAFTARAN DAN PERLESENAN) 1959 (SIRI 1 - MOTOSIKAL)

NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN
MOTOSIKAL HENDAKLAH MUDAH
DILIHAT IAITU:-

(A) PADA SIANG HARI PADA JARAK
60 KAKI.

(B) PADA MALAM HARI PADA JARAK
50 KAKI.

Sumber : Jabatan Pengangkutan Jalan



INFO PEJABAT PUU
BIL 31/2025 (BP)



KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (PENDAFTARAN DAN PERLESENAN) 1959 (SIRI 2 - MOTOKAR)

NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN
MOTOSIKAL HENDAKLAH MUDAH
DILIHAT IAITU:-

(A) PADA SIANG HARI PADA JARAK
75 KAKI.

(B) PADA MALAM HARI PADA JARAK
60 KAKI.

Sumber : Jabatan Pengangkutan Jalan



INFO PEJABAT PUU
BIL 32/2025 (BP)



RUMAH STRATA (Siri 1)

01 Apa itu rumah strata?

Dalam bahasa yang mudah difahami, rumah strata ialah rumah yang mempunyai fasiliti yang dikongsi bersama oleh pemilik-pemilik unit rumah strata yang lain. Contoh rumah strata ialah kondominium, apartment, flat, pangsapuri dan sebagainya.

02 Undang-undang

- (i) Akta Hakmilik Strata 1985.
- (ii) Akta Pengurusan Strata 2013.
- (iii) Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015.

03 Contoh harta bersama (dikongsi)

- (i) Tempat letak kenderaan pelawat
- (ii) Lif
- (iii) Tangga
- (iv) Taman permainan
- (v) Tangki paip utama
- (vi) Pondok pengawal keselamatan

04 Harta bersama

- Pengurusan harta bersama adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan rumah strata tersebut.
- Pemilik-pemilik unit rumah strata hendaklah menggunakan harta bersama dengan sebaiknya.

05 Perbadanan Pengurusan

Perbadanan Pengurusan atau *Management Corporation* adalah sebuah badan korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (setelah geran strata dikeluarkan). Di antara fungsi perbadanan pengurusan:-

- (a) menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013.
- (b) menyimpan daftar pemilik tanah dan unit.
- (c) membeli atau menyewa alat untuk menjaga harta benda kawasan perumahan strata.

06 Badan Pengurusan Bersama

Badan pengurusan bersama atau *Joint Management Body* ialah sebuah badan yang ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (sebelum geran strata dikeluarkan).

RUMAH STRATA

(Siri 2)

Pihak Pengurusan Perbadanan atau Badan Pengurusan Bersama boleh menyekat akses pemilik unit rumah strata jika gagal membayar caj penyelenggaraan.

INFO PEJABAT PUU
BIL 34/2025 (BP)





JENIS TERMA DI DALAM KONTRAK

INFO PEJABAT PUU BIL.35/2025 (BPPPK)

S.12(2) AJB 1957 : Syarat

Suatu janji yang penting kepada maksud utama kontrak. Jika syarat dilanggar oleh mana-mana pihak dalam kontrak jualan, ia akan memberi hak kepada pihak yang terkilan untuk menolak kontrak tersebut.

S.12(3) AJB 1957 : Waranti

Suatu janji kolateral kepada maksud utama kontrak. Pelanggaran waranti hanya memberi hak kepada pihak yang terkilan untuk menuntut ganti rugi tetapi tiada hak untuk menolak barang-barang / menganggap kontrak sebagai ditamatkan.

S.13(1) AJB 1957 :

Pihak yang terkilan boleh memilih untuk menganggap kemungkiran syarat sebagai suatu kemungkiran waranti sahaja.

S.13(2) AJB 1957 :

Pelanggaran syarat boleh dianggap sebagai pelanggaran waranti dengan syarat
i. Kontrak itu tidak boleh diasingkan dan pembeli telahpun menerima barang-barang tersebut / sebahagian daripadanya /
ii. Barang itu barang tertentu dan hak milik telahpun diserahkan kepada pembeli

Apabila syarat dianggap sebagai waranti, pembeli hanya boleh menuntut ganti rugi sahaja tetapi tidak sehingga membatalkan kontrak tersebut.



sumber : Akta Jualan
Barangan 1957



Info Pejabat Puu Bil. 36/2025 (BPPPK)

PENALTI LEWAT PENYETEMAN

Surat cara hendaklah disetemkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan dalam Malaysia atau dalam tempoh 30 hari selepas ia diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia.

Sekiranya ia tidak disetemkan dalam tempoh yang ditetapkan, penalti yang dikenakan berdasarkan tempoh kelewatan seperti berikut;

- ★ RM50.00 ATAU 10% DARI DUTI SETEM YANG TERKURANG YANG MANA LEBIH TINGGI SELEPAS 3 BULAN TETAPI TIDAK LEWAT DARIPADA 6 BULAN SELEPAS TEMPOH PENYETEMAN.
- ★ RM100.00 ATAU 20% DARI DUTI SETEM YANG TERKURANG YANG MANA LEBIH TINGGI MELEBIHI 6 BULAN SELEPAS TEMPOH PENYETEMAN.

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN KEPADA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PENIPUAN ATAU PEMALSUAN DUTI SETEM


PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri @puu_utm

INFO PEJABAT POU BIL. 37/2025 (BPPPK)

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM @puu_utm


Perkara Yang Harus Dilakukan Setelah Membuat Pembayaran Notis Takiran

STAMPS LHDN

1. 


1. Selepas berjaya membuat pembayaran, paparan Bayaran Online FPX / FPX Online Payment akan dipaparkan.

2. Pengguna diminta untuk menekan butang **Cetak Setem**.

4. 


Siji Setem yang akan diperolehi oleh pengguna sejurus menekan butang **Cetak Format PDF**.

PERINGATAN! PENGGUNA DIKENDAHKAN UNTUK MENYIMPAN SUJIL SETEM TERSEBUT SEBELUM MELAKUKAN CETAKAN

2. 

1. Langkah seterusnya, pengguna harus menekan logo **Cetak** untuk memaparkan siji setem tersebut.

PERINGATAN! BUTANG TERSEBUT HANYA BOLEH DI TEKAN SEKALI SAHAJAH!

3. 

1. Berikut merupakan paparan terakhir sebelum pengguna mencetak siji setem.

2. Pengguna diminta untuk menekan butang **Cetak Format PDF**.

3. Seajurus menekan butang tersebut, Siji Setem akan dipaparkan dalam bentuk PDF dan pengguna boleh mencetak siji tersebut.

DUTI TETAP

DIKENAKAN TANPA ADA KAITAN DENGAN BALASAN ATAU AMAUN YANG DINYATAKAN DALAM DOKUMEN / SURAT CARA

Contoh : Memorandum Persefahaman, Perjanjian Pegawai Kontrak, Perjanjian Persatuan dan sebagainya

JENIS DUTI SETEM

INFO PEJABAT PUU
BIL. 38/2025 (BPPPK)

! SUMBER : AKTA SETEM 1949

VS

DUTI AD VALOREM

DIKENAKAN BERDASARKAN BALASAN DINYATAKAN DALAM DOKUMEN/SURAT CARA ATAU NILAI PASARAN

Contoh : Memorandum Perjanjian, Perjanjian Sewa, Perjanjian Penerbitan, Perjanjian Pinjaman dan sebagainya.




puu_utm


PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM





INFO PEJABAT PUU BIL. 39/2025
(BPPPK)


BAYARAN SECARA ATAS TALIAN UNTUK STAMPS MENGUNAKAN FPX


- 

Layari laman sesawang <https://stamps.hasil.gov.my/stamps/> dan terus ke bahagian Pembayaran Online FPX dan klik di butang tersebut
- 

Sila masukan Nombor Adjudikasi dan Captcha. Klik butang Cari/Search untuk memasukkan maklumat bayaran
- 

Paparan Maklumat Bayaran / Payment Summary dipaparkan. Sila semak maklumat terlebih dahulu.
- 

Selepas menyemak maklumat. Pengguna di minta untuk memasukkan Alamat E-mel, Nama, No. Pengesanan Diri dan akhir sekali memilih Jenis Akaun
- 

Selepas melengkap maklumat yang di minta, pengguna boleh memilih bank di bahagian Pilih Bank. Sejurus memilih bank, pengguna diminta untuk klik butang Bayar
- 

Sejurus selesai melakukan pembayaran. Paparan Bayaran Online FPX / FPX Online Payment akan dipaparkan dan pengguna di minta untuk mencetak sijil setem dengan klik butang Cetak Setem

16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM

puu_utm



PERHATIAN



Sebarang
permohonan duti
setem atau
pertanyaan berkaitan
duti setem
melibatkan utem
boleh email ke :.

STAMPS.LHDN@UTEM.EDU.MY

**INFO PEJABAT PUU
BIL. 40/2025 (BPPPK)**




DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA PERMOHONAN MATI SETEM

1. Muka hadapan dan muka surat yang mempunyai maklumat pihak pertama dan pihak kedua.

2. Muka surat yang mempunyai tarikh perjanjian , jumlah perjanjian / bayaran / kontrak / cagaran.

3. Tandatangan pihak dalam perjanjian.



JENIS RAYUAN TAKSIRAN



Rayuan Lanjutan Masa Untuk Merayu Taksiran

- **Keterangan** : Perlu dipohon dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran untuk melanjutkan tempoh untuk merayu taksiran.

Rayuan Lanjutan Masa untuk Bayaran

- **Keterangan** : Perlu dipohon dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis taksiran atau sebelum penalti tambahan dikenakan

Rayuan Penalti

- **Keterangan** : Permohonan rayuan untuk meremitkan atau menghapuskan penalti perlu disertakan dengan alasan dan dokumen sokongan yang munasabah bagi pertimbangan Pemungut Duti Setem.

Rayuan Taksiran

- **Keterangan** : Permohonan taksiran semula.

INFO PEJABAT PUU BIL. 42/2025 (BPPPK)



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM



puu_utm



sumber: Stamps Assessment and Payment System (STAMPS)

INFO PEJABAT PUU
BIL. 43/2025 (BPPPK)



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM



puu_utm

PERHATIAN!

- TARIKH DOKUMEN MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) AND MEMORANDUM OF AGREEMENT (MOA) PERLU DINYATAKAN DI DALAM PERMOHONAN PENYETEMAN DAN PENYETEMAN PERLU DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH 30 HARI DARI TARIKH TERSEBUT BAGI MENGELAKKAN PENALTI.
- TARIKH YANG DIGUNAKAN BAGI PENDAFTARAN PENYETEMAN MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) ATAU MEMORANDUM OF AGREEMENT (MOA) YANG DITANDATANGANI DI LUAR NEGARA ADALAH TARIKH DOKUMEN TERSEBUT DITERIMA DI MALAYSIA.

PERUNDANGAN

Entiti perundangan ialah organisasi atau individu yang diiktiraf oleh undang-undang sebagai mempunyai hak dan tanggungjawab sendiri seperti memasuki kontrak, memiliki harta, berhutang, boleh menyaman, atau disaman di mahkamah.

Contoh entiti perundangan di Malaysia

1. Individu / Pemilik Tunggal / Perniagaan milikan tunggal

- Dimiliki oleh seorang individu
- Tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

2. Perkongsian

- Dimiliki oleh 2 - 20 rakan kongsi
- Tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 / Akta Perkongsian 1961

3. Perkongsian liabiliti terhad

- Sekurang-kurangnya dua orang rakan kongsi
- Tertakluk di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

4. Syarikat berhad atau sendirian berhad

- Mempunyai pengarah, pemegang saham, dan setiausaha syarikat
- Didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016

5. Badan Berkanun (Statutory Body)

- Ditubuhkan melalui akta Parlimen atau Enakmen Negeri.
- Contoh: Universiti awam, PERKESO, MARA, KWSP, Tabung Haji, LHDN, perbadanan milik kerajaan negeri

6. Pertubuhan / Persatuan

- Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) di bawah KDN
- Tertakluk di bawah Akta Pertubuhan 1966.
- Contoh : Persatuan Taska & Tadika Awlad Imtiyaz UTeM

7. Koperasi

- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- Tertakluk di bawah Akta Koperasi 1993
- Contoh : Koperasi UTeM.

8. Yayasan

- Di bawah seliaan BHEUU Jabatan Perdana Menteri
- Tertakluk di bawah Akta Syarikat 2016 / Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952



KENALI UTeM...



Sekilas fakta mengenai UTeM.

01 UTeM

UTeM (dahulu dikenali sebagai KUTKM atau Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia) ialah sebuah universiti awam ke-14 (universiti berfokus) yang ditubuhkan pada 1 Disember 2000 melalui Perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Pemerbadanan) 2001 dengan tujuan mengadakan, memajukan dan mengembangkan bidang sains dan teknologi serta bidang lain.

02 STATUS UTeM

- UTeM adalah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.
- Penubuhan UTeM sebagai badan berkanun diwartakan melalui Perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Pemerbadanan) 2001 dan terkini Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan) 2007.

03 NOMBOR PEWARTAAN

- Sebagai sebuah badan berkanun, **UTeM tidak mempunyai nombor pendaftaran syarikat, perniagaan, koperasi, persatuan, dan sebagainya.**
- **UTeM hanya mempunyai nombor pewartaan iaitu P.U.(A) 43/2007.**

04 ALAMAT TERKINI

Alamat terkini UTeM ialah Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka yang diwartakan melalui Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan) (Penempatan Semula) 2018 dengan nombor pewartaan P.U.(A) 192/2018.

05 SALINAN PEWARTAAN

Semua salinan pewartaan berikut **boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi Canselori UTeM:-**

- (a) Perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Pemerbadanan) 2001.
- (b) Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan) 2007.
- (c) Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan) (Penempatan Semula) 2018.

06 DOKUMEN-DOKUMEN

Sila layari laman sesawang rasmi Canselori (Pejabat Penasihat Undang-Undang) bagi mendapatkan dokumen-dokumen umum berkaitan UTeM.

Info Pejabat PUU
BIL 45/2025 (BP)



PANDUAN “STAMPS”

Panduan ringkas mengisi maklumat di sistem STAMPS bagi tujuan penyeteman Surat Akujanji dan Tanggung Rugi untuk staf yang telah dibenarkan bayaran ganti rugi pecah kontrak Perjanjian Cuti Belajar melalui potongan gaji bulanan.

1 Sedia Dokumen

- Surat Akujanji dan Tanggung Rugi yang telah ditandatangani oleh Staf dan Ketua PTJ.
- Tarikh dokumen

2 Akses STAMPS

1. Layari <https://stamps.hasil.gov.my/stamps>
2. Log masuk sebagai Pengguna
3. Isikan nombor kad pengenalan & kata laluan
4. Klik "BORANG PERMOHONAN" – pilih "PENYETEMAN"
5. Lengkapkan "MAKLUMAT AM" dengan memilih "PENYETEMAN AM". Pilih Pejabat Setem "MELAKA" & isikan TARIKH
6. Klik "SETERUSNYA"

3 Maklumat Am

1. Sila masukan tajuk dokumen "SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNG RUGI"
- Klik "SIMPAN".

4 Bahagian A: Maklumat Pihak Pertama

1. Pilih "SYARIKAT/AGENSITIDAK BERDAFTAR DENGAN SSM"
2. Isi nama UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA termasuk alamat dan butiran lain.
3. Klik "SIMPAN"

5 Bahagian B: Maklumat Pihak Kedua

1. Pilih "INDIVIDU"
2. Isikan maklumat diri sendiri
3. Klik "SIMPAN"

6 Bahagian B: Maklumat Perjanjian

1. Isi tarikh perjanjian/perjanjian ditandatangani (Pastikan tarikh sama dengan tarikh Surat Akujanji dan Tanggung Rugi ditandatangani).
2. Butiran Surat Cara, **tidak perlu letak nilai di "BALASAN"**
3. Masukkan bilangan salinan tidak termasuk salinan asal.
4. Klik "SIMPAN"

7 Lampiran

1. Muat naik dokumen "SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNG RUGI".
2. Klik "SIMPAN"

8 Perakuan

1. Lengkapkan "PERAKUAN"
2. Klik "HANTAR"

PERINGATAN

1. Sila semak tab "NOTIS TAKSIRAN" bagi memastikan NOTIS TAKSIRAN DUTI TETAP diisukan kepada pemohon
2. Jika tiada, sila klik tab "LOC" untuk dapatkan status terkini permohonan penyeteman dari semasa ke semasa.
3. Pemohon bertanggungjawab menjelaskan pembayaran duti tersebut
4. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi Pejabat Penasihat Undang-Undang.

KEHADIRAN KE KULIAH, TUTORIAL, KELAS ATAU PENGAJARAN

- Kehadiran pelajar dalam mana-mana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain adalah dimestikan (wajib).
- Pelajar mesti (wajib) mendapatkan kebenaran terlebih dahulu jika tidak dapat hadir ke mana-mana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain.



INFO PEJABAT PUU
BIL 47/2025 (BP)



KELAKUAN BERHUBUNGAN PEPERIKSAAN

Pelajar tidak dibenarkan melakukan mana-mana perkara-perkara berikut semasa peperiksaan sedang dijalankan:-

- (a) membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain.
- (b) membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain keluar dari bilik peperiksaan.
- (c) menerima apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain daripada mana-mana orang di dalam bilik peperiksaan.
- (d) menulis, atau mendatangkan orang lain untuk menulis, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya.
- (e) berkomunikasi dengan mana-mana pelajar atau orang lain semasa peperiksaan sedang dijalankan dengan apa jua cara.
- (f) menipu atau meniru, cuba untuk menipu atau cuba untuk meniru, atau berkelakuan yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau meniru dalam peperiksaan.



INFO PEJABAT PUU
BIL 48/2025 (BP)



PROSES KERJA MEMASUKI MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU)

INFO PEJABAT PUU
BIL. 49/2025 (BGK)



Lengkapkan Term Sheet berserta dokumen sokongan (salinan SSM/Company's Profile/salinan penubuhan)

Dapatkan persetujuan Fakulti dan Rakan Kerjasama berkaitan terma dan syarat yang terkandung di dalam Term Sheet

Bawa Kertas Kerja, Term Sheet dan dokumen sokongan berkaitan ke Jawatankuasa Tetap Senat (yang berkaitan) bagi kelulusan memasuki kerjasama

Urus setia Jawatankuasa Tetap Senat (yang berkaitan) akan memajukan cabutan minit kepada PUU / dikemukakan oleh PIC kepada PUU

PUU menyediakan draf bersih MoU (standard template) dan dimajukan kepada PIC untuk proses meterai, mati setem dan edaran salinan

Sumber Rujukan : Pekeliling Pentadbiran Bilangan 24 Tahun 2024

Q & A Proses Kerja MoU

- Q : Kenapa kena guna template standard?**

A : Pematuhan kepada Pekeliling Pentadbiran 5 Tahun 2008 yang dikeluarkan oleh KPT
- Q : Boleh ke emel PUU terus draf MoU sebelum kelulusan UTeM?**

A : Boleh, namun maklumbalas semakan akan ditangguhkan sehinggalah PUU menerima salinan cabutan minit daripada Pihak Berkuasa Melulus UTeM
- Q : Apakah dokumen sokongan yang perlu disertakan untuk kelulusan di peringkat UTeM?**

A : Salinan SSM, salinan dokumen penubuhan, salinan company's profile, term sheet lengkap (pastikan dipersetujui rakan kerjasama dan Ketua PT)
- Q : Berapa salinan MoU diperlukan? Nak bagi siapa?**


A : 2 salinan asal - dihantar kepada PUU dan rakan kerjasama. 3 salinan yang disalin daripada salinan asal - dihantar kepada RICE, Fakulti dan simpanan PIC.
- Q : Boleh guna template rakan kerjasama?**

A : Boleh, namun perlu diangkat untuk perhatian dan kelulusan KPT (tempoh masa boleh melebihi 3 bulan).

Info Pejabat PUU - Bil. 50/2025 (BGK)

RANG UNDANG-UNDANG

1. Adalah cadangan sama ada undang-undang baharu atau undang-undang pindaan.
2. Diperkenalkan dalam badan perundangan.
3. Rang undang-undang yang diluluskan akan dikenali sebagai "Akta" dan diwartakan melalui warta kerajaan.



INFO PEJABAT PUU
BIL 51/2025 (BP)

GUNAPAKAI TEMPLATE STANDARD

1. MUATTURUN TEMPLATE STANDARD LOI DI LAMANWEB CANSELORI UTEm
2. LENGKAPKAN DRAF LOI DAN PASTIKAN KANDUNGAN DIPERSETUJUI OLEH FAKULTI/PTJ DAN RAKAN KERJASAMA.

3. SETELAH DIPERSETUJUI SEMUA PIHAK, BAWA KEPADA PERHATIAN PIHAK BERKUASA MELULUS UNTUK KELULUSAN - KETUA PTJ
4. SETELAH KELULUSAN, BOLEH TERUS DIMETERAI
5. EDARAN SALINAN LOI KEPADA PUU, RAKAN KERJASAMA DAN FAKULTI



TIDAK GUNAPAKAI TEMPLATE STANDARD

1. LENGKAPKAN DRAF LOI DAN PASTIKAN KANDUNGAN DIPERSETUJUI OLEH FAKULTI/PTJ DAN RAKAN KERJASAMA
2. MAJUKAN KEPADA PUU UNTUK SEMAKAN
3. PUU MEMAJUKAN SEMULA UNTUK SEMAKAN AKHIR PIC DAN MEMUKTAMADKAN LOI

4. SETELAH DIPERSETUJUI SEMUA PIHAK, BAWA KEPADA PERHATIAN PIHAK BERKUASA MELULUS UNTUK KELULUSAN - ME
5. SETELAH KELULUSAN, BOLEH TERUS DIMETERAI
6. EDARAN SALINAN LOI KEPADA PUU, RAKAN KERJASAMA DAN FAKULTI

*TEMPLATE STANDARD = CONTOH DOKUMEN YANG MENEPATI PIAWAIAN BIASA PEMAKAIANNYA
*SUMBER RUJUKAN : PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 24 TAHUN 2024

INFO PEJABAT PUU
BIL. 52/2025 (BGK)





proses kerja memasuki **MOA AKADEMIK**

1.

PIC memajukan permohonan semakan dokumen berserta dokumen sokongan kepada PUU

2.

PUU memulakan pendrafan, semakan dan penetapan perbincangan bersama-sama PIC dan/atau rakan kerjasama

3.

PUU memajukan draf disemak kepada PIC dan rakan kerjasama untuk semakan dan persetujuan terma dan syarat

4.

Setelah dipersetujui semua pihak, draf bersih akan dikeluarkan oleh PUU kepada PIC untuk pembentangan kepada Pihak Peraku/Berkuasa Melulus UTeM

5.

Setelah diperaku dan/atau diluluskan, PIC **HENDAKLAH** memajukan cabutan minit Pihak Peraku/Berkuasa Melulus UTeM dan salinan kertas kerja kepada PUU

6.

PUU akan mengangkat kertas kerja untuk kelulusan memasuki kerjasama kepada **Kementerian PendidikanTinggi (KPT)**

7.

Sebarang maklumbalas yang diterima daripada KPT (sama ada diluluskan mahupun tidak diluluskan) akan dikemukakan kepada PIC oleh PUU

8.

Sekiranya diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus UTeM dan KPT, MoA boleh terus dimeterai dan dimatikan setem oleh PIC

9.

Edaran salinan dibuat oleh PIC kepada PUU (asal), Rakan Kerjasama (asal), RICE, Fakulti dan simpanan PIC

10.

Edaran salinan dibuat oleh PUU kepada KPT

INFO PEJABAT PUU
BIL. 54/2025 (BGKI)
PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 24 TAHUN 2024





INFO PEJABAT PUU
BIL. 55/2025 IBGX

PERJANJIAN KERAHSIAAN

1. PIC memajukan permohonan semakan kepada PUU
2. Pendrafan/semakan oleh PUU
3. Draf dikembalikan oleh PUU, disemak dan dipersetujui oleh PIC, Fakulti/PTJ dan Rakan Kerjasama
4. Draf bersih dikemukakan oleh PUU kepada PIC
5. Kelulusan Pihak Berkuasa Melulus
6. Meterai dan mati setem
7. Edaran salinan oleh PIC

PROSES KERJA MEMASUKI PERJANJIAN KERAHSIAAN, SURAT AKUJANJI, SURAT PENGANUGERAHAN DAN SURAT TANGGUNG RUGI

SURAT TANGGUNG RUGI (PELAJAR DAN STAF)

1. PIC memajukan permohonan semakan kepada PUU
2. Pendrafan/semakan oleh PUU
3. Draf dikembalikan oleh PUU, disemak dan dipersetujui oleh PIC, Fakulti/PTJ dan Rakan Kerjasama
4. Draf bersih dikemukakan oleh PUU kepada PIC
5. Kelulusan Pihak Berkuasa Melulus
6. Meterai
7. Edaran salinan oleh PIC

SURAT AKUJANJI (SELAIN URUSAN PECAH KONTRAK CUTI BELAJAR)

1. PIC memajukan permohonan semakan kepada PUU
2. Pendrafan/semakan oleh PUU
3. Draf dikembalikan oleh PUU, disemak dan dipersetujui oleh PIC, Fakulti/PTJ dan Rakan Kerjasama
4. Draf bersih dikemukakan oleh PUU kepada PIC
5. Kelulusan Pihak Berkuasa Melulus
6. Meterai dan mati setem
7. Edaran salinan oleh PIC

SURAT PENGANUGERAHAN (MELEBIHI RM500K)

1. PIC memajukan dokumen penganugerahan kepada PUU
2. Semakan oleh PUU
3. Draf dikembalikan oleh PUU, disemak dan dipersetujui oleh PIC, Fakulti/PTJ dan Rakan Kerjasama
4. Draf bersih dikemukakan oleh PUU kepada PIC
5. Perakuan Pihak Peraku
6. Kelulusan Pihak Berkuasa Melulus
7. Meterai dan mati setem
8. Edaran salinan oleh PIC

SURAT PENGANUGERAHAN (SEHINGGA RM500K)

1. PIC memajukan dokumen penganugerahan kepada PUU
2. Semakan oleh PUU
3. Draf dikembalikan oleh PUU, disemak dan dipersetujui oleh PIC, Fakulti/PTJ dan Rakan Kerjasama
4. Draf bersih dikemukakan oleh PUU kepada PIC
5. Kelulusan Pihak Berkuasa Melulus
6. Meterai dan mati setem
7. Edaran salinan oleh PIC

PEMAKLUMAN PENAMATAN AKSES SISTEM STAMPS & PERALIHAN KE PORTAL MYTAX

INFO PEJABAT PUU BIL. 56/2025 (BPPPK)

TARIKH PENTING

31 DISEMBER 2025

TARIKH PENAMATAN SISTEM STAMPS

1 JANUARI 2026

TARIKH PERMULAAN PENGGUNAAN SISTEM MYTAX
BAGI PERMOHONAN DUTI SETEM

PERSEDIAAN PERALIHAN

PENGGUNA SEDIA ADA MYTAX

- LOG MASUK [HTTPS://MYTAX.HASIL.GOV.MY](https://mytax.hasil.gov.my)
- KLIK KE PERKHIDMATAN EZHASIL > DUTI SETEM > E-DUTI SETEM

PENGGUNA BAHARU MYTAX

- PENGGUNA YANG MEMPUNYAI NOMBOR PENGENALAN CUKAI (TIN) BOLEH MENGAKTIFKAN ID DI PORTAL MYTAX
- YANG TIDAK MEMPUNYAI TIN BOLEH DIDAFTARKAN DI APLIKASI E-DAFTAR YANG BOLEH DIAKSES MELALUI PORTAL MYTAX DI PERKHIDMATAN EZHASIL > E-DAFTAR.
- SILA BUAT PENGAKTIFAN ID SEBELUM 31/12/2025 BAGI PERSEDIAAN AWAL PROSES PERALIHAN SISTEM.



BAB B
GALERI AKTIVITI
2025



Sesi Perkongsian Ilmu (Januari)



**SESI PERKONGSIAN
ILMU - PENYEDIAAN
DOKUMEN
PERUNDANGAN (SIRI 5)**

**17 JANUARI 2025
10.00 PAGI
(MS TEAMS)**



Siti Norashikin Mohd Yunus
Timbalan Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang




KUIZ CELIK UNDANG-UNDANG (MAC)



KUIZ CELIK UNDANG-UNDANG

- (1) Terbuka kepada semua staf (kecuali staf Pejabat PUU).
- (2) Staf hanya dibenarkan menjawab sekali sahaja.
- (3) Pemenang dipilih berdasarkan kecepatan dan ketepatan menjawab semua soalan.
- (4) Keputusan adalah muktamad.



😊 KUIZ UJI MINDA (MAC)



KUIZ UJI MINDA

- (1) Terbuka kepada semua pelajar berdaftar UTeM.
- (2) Pelajar hanya dibenarkan menjawab sekali sahaja.
- (3) Pelajar dlmestikan menggunakan emel rasmi UTeM (jika tidak, penyertaan akan terbatol dengan sendirinya).
- (4) Pemenang dipilih berdasarkan kecepatan dan kreativiiti menjawab soalan.
- (5) Keputusan adalah muktamad.

The infographic features a blue border with decorative elements like a pushpin, a laptop with a checkmark, and a star. It includes the UTeM logo at the bottom.





MAJLIS BERBUKA PUASA
(MAC)



PEMVERAHAN GOODIES

KAYA (MAC)



WEBINAR (APRIL)

UteM 25
25th Anniversary

Program Sembang Undang-Undang Siri III
"HARTA SEPENCARIAN"
Peruntukan Undang-Undang & Prosedur Di Mahkamah Syariah

15 APRIL 2025 (SELASA)
 9.00 PAGI - 11.30 PAGI
 MICROSOFT TEAMS

Imbas untuk sertai

CPD Pembelajaran akan diuruskan oleh urus setia

Encik Muhammad Azharuddin bin Md Azmi
Senior Legal Associate & Head of Department (Syarie)
Tetuan Nik Safia & Co.

06-270 4541 | info@utem.edu.my
Pegawai Pemasar Undang-Undang UTeM | @pau_utem

WORLD UNIVERSITY AWARDS | THE Quality Standard

KUIZ CELIK UNDANG- UNDANG (OKTOBER)



lis. 1
etia
diam
sodales nequ
vitae semper
lorem sed risu
unt nunc pulvina
lorem dolor. Vel fringid

lacinia at quis risus sed vulputate odio. Sed
ismod lacinia at quis. Ut tellu
icies lacus sed turpis tincidu
assa ultricies mi quis. M
hus. Eget sit an
vitae et leo
lis eu non aiam phasel-
ursus sit amet dictum

llame
se
it amet
libb

KUIZ UJI MINDA (OKTOBER)



Yeayyy...

Saya
menang....



Dapat hadiah...





**LAWATAN
PENANDA
ARAS BHG.
UNDANG-
UNDANG
UPNM
(OKTOBER)**



LAWATAN PENANDA ARAS PEJABAT PUU, UTM (DISEMBER)





MAJLIS JAMUAN AKHIR TAHUN PEJABAT PUU (DISEMBER)



SEKALUNG PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada semua warga kerja Pejabat Penasihat Undang-Undang atas usaha dan kerjasama dalam menjayakan penerbitan "Koleksi Info PUU & Galeri Aktiviti 2025". Semoga usaha ini dapat diteruskan pada tahun-tahun yang mendatang.

KOLEKSI INFO PUU & GALERI AKTIVITI 2025



PENERBIT
UTeM
Press

Laman Sesawang : www.utem.edu.my/penerbit
Kedai Buku Atas Talian : utembooks.utem.edu.my
Emel : penerbit@utem.edu.my